

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
(KKMM) 2015-2017
No. MBJ : 1300001**

1. KEAHLIAN

- 1.1. Majlis Bersama Jabatan bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (selepas ini disebut sebagai “**Majlis**”) hendaklah mengandungi **41 orang ahli** termasuk Pengurus, Naib Pengurus dan Setiausaha-setiausaha yang terdiri daripada **19 orang ahli** iaitu 13 orang ahli yang dilantik oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) serta enam (6) orang ahli yang dilantik terdiri daripada **Pegawai Sumber Manusia di Jabatan/Agensi di bawah KKMM** (selepas ini disebut sebagai “**Pihak Pegawai**”) dan **22 orang ahli** iaitu 16 orang ahli yang dipilih oleh **pekerja-pekerja yang berkhidmat di KKMM** serta enam (6) orang ahli yang dilantik terdiri daripada **Pengerusi/wakil Pihak Pekerja di Jabatan/Agensi di bawah KKMM** (selepas ini disebut sebagai “**Pihak Pekerja**”).

2. PIHAK PEGAWAI

2.1. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di **Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia** (KKMM) seperti yang berikut:

- | | | |
|-------|---|-------------------------|
| i) | Ketua Setiausaha | - Pengerusi |
| ii) | Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) | - Ahli |
| iii) | Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) | - Ahli |
| iv) | Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) | - Ahli |
| v) | Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | - Ahli |
| vi) | Setiausaha Bahagian Kewangan | - Ahli |
| vii) | Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik | - Ahli |
| viii) | Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan | - Ahli |
| ix) | Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat | - Ahli |
| x) | Ketua Unit Audit Dalam | - Ahli |
| xi) | Ketua Unit Komunikasi Korporat | - Ahli |
| xii) | Ketua Unit Integriti | - Ahli |
| xiii) | Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | - Setiausaha
Bersama |

2.2. Selain itu, tambahan enam (6) orang ahli Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada Pegawai Sumber Manusia di jabatan/agensi di bawah KKMM seperti yang berikut:

- | | | |
|-----|---|--------|
| i) | Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) | - Ahli |
| ii) | Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) | - Ahli |

- iii) Pengarah - Ahli
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)
- iv) Pengarah - Ahli
Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak
(IPPTAR)
- v) Pengurus Kanan - Ahli
Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
- vi) Pengarah - Ahli
Bahagian Khidmat Pengurusan
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

2.3. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tiada had tempoh memegang jawatan di dalam Majlis.

3. PIHAK PEKERJA

- 3.1. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan jabatan/agensi di bawah KKMM; Gred 48 dan ke bawah; tidak terlibat dalam proses membuat keputusan; bukan merupakan Ketua Bahagian/Unit; dan dipilih oleh pekerja sendiri. Peraturan bagi memilih ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja KKMM dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha KKMM.
- 3.2. Pemilihan wakil bagi ahli-ahli Pihak Pekerja adalah seperti yang berikut:
- i) Seorang mewakili Pegawai Tadbir dan Diplomatik - Ahli
(Gred M44/M41)
 - ii) Seorang mewakili Pegawai/Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat/Juruteknik Komputer - Ahli
(Gred F44/F41/F32/F29/FT17)
 - iii) Seorang mewakili Akauntan/JuruAudit/
Penolong Akauntan/Penolong JuruAudit/
Pembantu Akauntan - Ahli
(Gred W44/W41/W36/W32/W27/W26/W22/W17)
 - iv) Seorang mewakili Pustakawan/Penolong Pustakawan/
Pembantu Pustakawan/Pegawai Arkib/
Pegawai Hal Ehwal Islam/Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam/
Pegawai Psikologi/Penolong Pegawai Psikologi - Ahli
(Gred S44/S41/S32/S27/S22/S17)

- v) Seorang mewakili Pegawai Penerangan/Penolong Pegawai Penerangan/Pembantu Penerangan
(Gred S44/S41/S32/S27/S17) - Ahli
- vi) Seorang mewakili Penerbit Rancangan/Pegawai Kebudayaan/Pereka/Jurufotografi
(Gred B44/B41/B32/B28/B27/B22/B17) - Ahli
- vii) Seorang mewakili Juru Ukur Bahan/Penolong Jurutera Penolong Jurutera/Penyelia Bangunan/Pembantu Kemahiran/Pembantu Awam
(Gred J44/JA36/JA29/N22/H17/H11) - Ahli
- viii) Seorang mewakili Penolong Pegawai Tadbir
(Gred N36/N32/N27) - Ahli
- ix) Seorang mewakili Setiausaha Pejabat/Pembantu Setiausaha Pejabat/Pegawai Khidmat Pelanggan
(Gred N28/N27/N17) - Ahli
- x) Seorang mewakili Pembantu Tadbir
(Perkeranian & Operasi)
(Gred N26/N22/N17) - Ahli
- xi) Seorang mewakili Pembantu Tadbir (Kewangan)
(Gred W26/W22/W17) - Ahli
- xii) Seorang mewakili Pengawal Keselamatan/
Penolong Penguatkuasa Imigresen
(Gred KP27/KP14/KP11) - Ahli

- xiii) Seorang mewakili Pembantu Operasi/Pembantu Am Pejabat (Gred N11/N1) - Ahli
- xiv) Seorang mewakili Pemandu Kenderaan (Gred H11/R3) - Ahli
- xv) Seorang mewakili Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP),KKMM. - Ahli
- 3.3. Tambahan enam (6) orang ahli Pihak Pekerja adalah terdiri daripada seorang Pengerusi/wakil Pihak Pekerja Jabatan/Agensi di bawah KKMM seperti yang berikut:
- i) Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) - Ahli
 - ii) Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) - Ahli
 - iii) Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) - Ahli
 - iv) Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) - Ahli
 - v) Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) - Ahli
 - vi) Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) - Ahli
- 3.4. Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja adalah dibuat dari kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang telah dipilih dan pemilihan itu hendaklah dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa campur tangan daripada Pihak Pengurusan. Pengerusi Pihak Pekerja akan menjadi Naib Pengerusi MBJ KKMM manakala Setiausaha Pihak Pekerja akan menjadi Setiausaha Bersama.

- 3.5. Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi dan diisi semula oleh calon daripada Bahagian/Unit/Pejabat atau Gred atau Skim Perkhidmatan yang memilih pekerja-pekerja itu sendiri.
- 3.6. Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun bermula daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dipilih/dilantik.

4. PEGAWAI – PEGAWAI MAJLIS

4.1. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada:

a) **Pengerusi:**

Ketua Setiausaha KKMM

b) **Naib Pengerusi:**

Pengerusi Pihak Pekerja

c) **Setiausaha Bersama:**

Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja

5. TUJUAN

5.1. Tujuan Majlis adalah:

a) untuk mendapatkan kerjasama yang menyeluruh antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelincinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja;

- b) khususnya untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal berhubung syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul pelbagai buah fikiran daripada wakil-wakil rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- c) untuk dijadikan forum penyaluran isu-isu daripada jabatan/agensi yang tidak dapat diselesaikan di peringkat jabatan masing-masing susulan keahlian MBJ KKMM turut melibatkan wakil daripada Jabatan/agensi (wakil Pegawai Sumber Manusia dan wakil Pekerja Jabatan/Agensi); dan
- d) bagi mewujudkan kesinambungan idea, pandangan serta memperkuatkan lagi hubungan antara Kementerian dengan jabatan/agensi, sekali gus membolehkan Kementerian memantau pelaksanaan MBJ Jabatan/Agensi secara berkala bagi tujuan pelaporan terus kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. BIDANG DAN FUNGSI

6.1. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang Majlis seperti yang berikut:

- a) Membincang dan memutuskan perkara-perkara tentang syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan **kecuali** perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan atau hal-hal perseorangan;
- b) Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab atas perkara-perkara berkaitan kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan bagi setiap tugas yang mereka jalankan;

- c) Menggalakkan kakitangan mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk menambahkan lebih pengetahuan berhubung hal-hal pentadbiran pelbagai Jabatan/Agensi; dan
- d) Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan organisasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta menyediakan ruang dan peluang untuk kakitangan memberikan cadangan dan syor-syor berhubung perkara ini.

7. MESYUARAT-MESYUARAT

- 7.1. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sekali, iaitu empat (4) kali setahun **mengikut sukuan berikut:**
 - i) Pertama : Mac;
 - ii) Kedua : Jun;
 - iii) Ketiga : September; dan
 - iv) Keempat : Disember.
- 7.2. Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada **50%** (8) orang ahli Pihak Pegawai dan **50%** (11) orang ahli Pihak Pekerja.
- 7.3. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan diedarkan terus kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi Majlis.
- 7.4. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan daripada Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat

tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan mesyuarat tersebut.

- 7.5. Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka **ahli Pihak Pegawai yang paling kanan** boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis tersebut dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja **tidak boleh mempengerusikan** mana-mana mesyuarat Majlis.
- 7.6. Minit Mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja.

8. KEPUTUSAN

- 8.1. Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara **persetujuan bersama** antara kedua-dua belah pihak.
- 8.2. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan, bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh **Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan jabatan-jabatan lain hendaklah dirujuk kepada Jabatan-Jabatan yang berkenaan atau dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

- 9.1. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis dengan persetujuan **tidak kurang daripada 50% ahli Pihak Pegawai** dan **50% ahli Pihak Pekerja**. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya **sebulan** sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.
- 9.2. Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai penggubal dasar boleh menetapkan kaedah terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat dan pertentangan antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja mengenai penggubalan dan pindaan perlembagaan Majlis. Segala keputusan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah muktamad selari dengan kuasa yang diperuntukkan dalam perenggan 13 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992.

MBJ 2015/ pindaan perlembagaan

Disediakan oleh : Setiausaha Bersama MBJ (17/8/2015)

Disemak oleh : SUB (SM) (20/8/2015)

Disemak oleh : Naib Pengerusi MBJ (28/8/2015)

Dibentangkan & dipersetujui pada : /9/2015

Diluluskan JPA :